


[JPA(L)S.130/1/1Klt.2(29)]



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2002

**SENARAI KELAYAKAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN
YANG PERLU DIGUNAKAN DALAM URUSAN PERLANTIKAN
KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan semua Pihak Berkuasa Melantik senarai kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan yang perlu digunakan dalam urusan perlantikan ke jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Skim-skim perkhidmatan telah menetapkan bahawa seseorang calon mesti mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan sebelum layak dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Bagi memastikan semua Pihak Berkuasa Melantik

dapat memenuhi peraturan ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menyediakan senarai kelayakan-kelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan untuk dijadikan panduan Pihak Berkuasa Melantik dalam urusan perlantikan. Senarai ini adalah merupakan kelayakan yang telah diluluskan pengiktirafannya oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTTPK) iaitu sebuah Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pendidikan dan diurusetikan oleh JPA. Sehubungan dengan itu bersama-sama ini disertakan senarai kelayakan dalam pelbagai bidang yang diiktiraf oleh kerajaan. Senarai ini akan dikemaskini dari masa ke semasa dan senarai tambahan atau pindaan akan dikeluarkan dengan sewajarnya.

TARIKH KUATKUASA

3. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PERTANYAAN

4. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada :


Unit Pengiktirafan Kelayakan
Bahagian Latihan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Parcel C, Blok C1, Aras 6
62510 Putrajaya

Telefon : 03-88853364
Fax : 03-88892179
E-mail : recog@jpa.gov.my

PENUTUP

5. Adalah diharapkan dengan adanya pekeling ini urusan perlantikan oleh Pihak Berkuasa Melantik akan dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan.

"BERKHDIMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHDIMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

2 OKTOBER 2002

Semua Pihak Berkuasa Melantik
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan